

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2019

Hak cipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Kaji Selidik/Penyunting
Hajah Rosidah binti Haji Ismail
Zawiyatun Ni'mah binti Mohd. Akir
Abu Bakar bin Haji Abd. Rahman

Penyemak
Ramlah binti Mohd. Nor

Reka Letak/Hiasan Kulit
Hairun Nadhir bin Ismail

Dicetak Oleh
Syarikat Percetakan Juta Jaya Sendirian Berhad

ISBN
978-99917-84-20-5

Isi Kandungan

Muka Surat

Pengenalan Kampong Ayer	I
Peta Mukim Sungai Kebun	8
Kampung Sungai Kebun	9
Kampung Ujong Klinik dan Kampung Sungai Siamas	18
Kampung Setia	28
Kampung Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B'	40
Bibliografi	48
Penghargaan	49



Pengenalan Kampong Ayer



PEMANDANGAN Kampung Sumbiling Lama, Kampung Sumbiling Baru dan Jambatan Rangas pada tahun 1950.¹

Kampong Ayer merupakan kampung yang tidak asing lagi di Negara Brunei Darussalam. Apabila memperkatakan mengenai Kampong Ayer semua lapisan masyarakat mengetahuinya. Walaupun tidak mengetahui secara terperinci dan mendalam perihal sejarah Kampong Ayer, tetapi sedikit sebanyak mengetahui di mana kedudukan Kampong Ayer tersebut. Kampong Ayer adalah salah satu tempat yang bersejarah dan menjadi kebanggaan rakyat di Negara Brunei Darussalam. Mengenai Kampong Ayer sebelum ini juga pernah dijelaskan pada siri I dalam buku Mukim Tamoi Sejarah Kampung.

Menurut sumber yang dipercayai Kampong Ayer telah wujud lebih seratus tahun yang lalu. Namun kini, zaman semakin maju dan moden, keadaan juga telah berubah, golongan tua yang mengetahui sejarah awal mengenai Kampong Ayer semakin berkurangan dan sukar untuk ditemui. Walaupun, masih ada generasi ini berkemungkinan tidak ramai yang dapat menceritakan pengalaman dan pengetahuan mereka membesar di Kampong Ayer apatah lagi tentang sejarah Kampong Ayer tersebut.

¹ Gambar diperolehi dari artikel Sejarah Kenangan Kampong Ayer, Media Permata, 30 September/1 Oktober 2017.



SEBAHAGIAN pemandangan Kampong Ayer suatu ketika dahulu.



PEMANDANGAN Kampong Ayer pada tahun 1920-an.²

² Gambar diperolehi dari buku Kenali Negara Kita, Haji Sulaiman Haji Duraman.

Penamaan Kampong Ayer

Setiap nama sesuatu pasti ada sebab di sebaliknya mengapa nama itu wujud. Begitulah juga dengan nama-nama kampung yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Pelbagai kisah yang dapat kita dengari mengenai sejarah tertubuhnya sesebuah tempat tersebut. Pada lazimnya panggilan nama-nama untuk sesebuah tempat mempunyai peristiwa dan kejadiannya yang tersendiri dan berbeza-beza.



KAMPONG Ayer pada akhir tahun 1940-an.³

Nama-nama yang diberikan juga biasanya berkaitan dengan tempat, kawasan, daerah, kampung berkenaan. Oleh itu, ianya mudah difahami dan diketahui serta mudah dicari oleh masyarakat setempat khususnya kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan sosiobudaya terutama sekali yang tinggal atau pernah menetap di tempat tersebut.

³ Gambar diperolehi dari buku Kampong Pandai Besi Menyusur Zaman, terbitan PHMD Publishing Company, Negara Brunei Darussalam, tahun 2015.

Pembuatan Rumah di Kampong Ayer

Bila disebut sahaja Kampong Ayer, pasti terbayang deretan rumah yang dibina di atas air yang dihubungkan dengan titian atau pail-pail yang diperbuat daripada kayu atau konkrit. Pada zaman dahulu, tiang-tiang rumah Kampong Ayer diperbuat daripada kayu yang diambil dari dalam hutan seperti kayu kulimpapa dan kayu nibong tua. Lantai rumah pula dibuat menggunakan buluh tua dan pohon nibong tua yang dibelah dua. Orang tua-tua pada zaman dahulu sangat mahir dalam pertukangan membuat rumah.

Mereka tidak menggunakan paku seperti zaman sekarang. Mereka akan membentuk satu bahagian yang dipanggil pasak untuk mencantumkan gelagar dan bandul rumah ditebuk untuk membentuk lubang mengikut saiz tiang rumah.

Rumah-rumah Kampong Ayer dalam tahun 1948 dan 1950 sangat indah, cantik dan teratur. Nama-nama rumah pada zaman itu seperti rumah belah bubung, rumah tungkup, rumah belanggar, rumah berhidung dengan di bahagian hadapannya dibuat serambi tempat berehat.

Pekerjaan

Pada dahulunya, pekerjaan penduduk kampung di Kampong Ayer majoriti adalah nelayan, padian, pengalu termasuklah memburis perahu, bertukang emas, perak dan tembaga. Sejarah memburis perahu memang telah lama wujud lebih-lebih lagi di Kampong Ayer yang diwarisi secara turun-temurun. Memburis perahu merupakan salah satu sumber pendapatan penduduk Kampong Ayer sebelum adanya perkerjaan di jabatan kerajaan. Pada ketika ini setelah zaman semakin moden memang diakui bahawa kegiatan memburis perahu semakin berkurangan, tetapi ianya masih wujud sehingga ke hari ini.

Selain itu, para nelayan pada zaman dahulu akan meninjau gerak air di caruk perahu untuk mencari kawanan ikan, antara tempat-tempatnya seperti di Ujong Sapoh, Pulau Badokang, Pulau Baru-Baru, Persiaran Teluk Brunei dan berdekatan Pulau Chermin.

Antara ikan-ikan yang sering diperolehi seperti bilis, kurapu, kapas-kapas, bakulan dan bakalang. Sebelum pulang, para nelayan kebiasaannya mengorak kajang untuk berehat dan menikmati bekalan di atas perahu.

Jika hasil tangkapan banyak diperolehi, pasti tergambar ceria di wajah para nelayan dengan membawa pulang hasil yang lumayan. Di hujung Jalan, Kampung Sungai Kebun, sudah ramai para padian berada dalam perahu mereka menunggu hasil tangkapan nelayan untuk dijual ke kampung-kampung di sekitar Kampong Ayer, pada ketika itu ikan-ikan dijual dengan harga murah.



PADIAN merupakan pedagang wanita yang menjual berbagai barang terutama berupa makanan sehari-hari.⁴



SUASANA semasa golongan padian menanti kepulangan para nelayan dari laut.⁵

Manakala kaum wanita yang sudah berusia pada zaman dahulu pula hanya tinggal di rumah dengan melaksanakan pekerjaan-pekerjaan mengambil upah seperti membubul pukat, rambat dan bagi mereka yang mahir akan membubul tugu. Segelintirnya lagi akan menganyam tikar yang diperbuat daripada daun pandan, menuhur daun kajang untuk dijadikan dinding rumah dan menuhur daun atap. Kajang diperbuat daripada daun nipah yang sudah kering, menuhur atap daun nipah pula dilakukan menggunakan bamban yang kesemuanya boleh diperolehi dari hutan-hutan.

⁴ Gambar diperolehi dari buku Kenali Negara Kita, Haji Sulaiman Haji Duraman.

⁵ Gambar diperolehi dari artikel Mengenang Kembali Zaman Nelayan 1950-an, Media Permata.

Permainan

Di kalangan masyarakat Melayu Kampong Ayer dahulu, permainan tradisi bukan sahaja dimainkan oleh kanak-kanak malahan juga orang dewasa sebagai menguji kepintaran. Selain itu juga ia adalah sebagai hiburan serta untuk meraikan hari-hari penting seperti majlis perkahwinan dan pindah rumah. Permainan tradisi yang dimainkan adalah seperti carah, congkak, kikik, pasang, saluk-salukan dan simban. Permainan ini ada yang boleh dimainkan secara perseorangan dan ada yang mesti dimainkan secara berkumpulan. Pada zaman sekarang, permainan tersebut sudah jarang dimainkan sewaktu majlis-majlis perkahwinan maupun pindah rumah.



PERMAINAN congkak menjadi kesukaan bagi penduduk Kampong Ayer pada suatu ketika dahulu.

Majlis Perkahwinan

Apabila memperkatakan mengenai adat perkahwinan, masing-masing setiap puak di negara kita memiliki adat yang berbeza-beza. Setiap perbezaan tersebut sudah pasti ada juga persamaannya. Orang Melayu Brunei yang tinggal di Kampong Ayer lazimnya sebelum majlis perkahwinan, bakal pengantin mestilah terlebih dahulu menjalani proses pertunangan. Dalam proses ini hendaklah melalui beberapa proses adat yang perlu dilakukan seperti merisik, berjarum-jarum, bersuruh dan menghantar mas kahwin dan berian atau tanda pertunangan.

Pada zaman dahulu, penduduk di Kampong Ayer apabila mengadakan majlis perkahwinan akan bergotong-royong di rumah menyediakan bahan-bahan untuk dimasak seterusnya bersama-sama memasak. Suasana pada waktu itu sungguh meriah dan riuh-rendah dengan gelak tawa penduduk kampung tersebut. Namun sekarang tidak lagi dilakukan sedemikian, majoriti penduduk Kampong Ayer akan menggunakan khidmat katering dan melaksanakan majlis perkahwinan di dewan-dewan dengan membayar sewa.

Mukim Sungai Kebun

Keluasan Mukim Sungai Kebun - 212.2202 hektar.

Kampung	Ramai Penduduk
Kampung Bolkiah A	1.161
Kampung Bolkiah B	1,452
Kampung Setia A	944
Kampung Setia B	1,287
Kampung Sungai Kebun	761
Kampung Sungai Siamas	387
Kampung Ujong Klinik	35


MUKIM SUNGAI KEBUN

BIL.	KAMPUNG	NAMA	JAWATAN
1	Kampung Bolkiah A	Awang Shahminan bin Haji Matzin	Ketua Kampung
2	Kampung Bolkiah B	Awang Shamsuddin bin Haji Maidin	Pemangku Ketua Kampung
3	Kampung Setia A	Awang Haji Asli bin Haji Mamut	Ketua Kampung
4	Kampung Setia B	Awang Shahminan bin Haji Matzin	Pemangku Ketua Kampung
5	Kampung Sungai Kebun	Awang Haji Marali bin Haji Matzin	Ketua Kampung
6	Kampung Sungai Siamas	Awang Haji Mat Sahat bin Haji Matamit	Ketua Kampung
7	Kampung Ujong Klinik		

⁶ Statistik Mukim Sungai Kebun diperolehi dari buku Panduan Mukim dan Kampung Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam, muka surat 179.

⁷ Panduan telefon dan penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam Tahun 2018.

Peta Mukim Sungai Kebun



Kampung Sungai Kebun

Kampung Sungai Kebun merupakan salah satu dari tujuh buah kampung yang terletak dalam pentadbiran Mukim Sungai Kebun. Ianya ditadbir oleh seorang Ketua Kampung iaitu Awang Haji Marali bin Haji Matzin. Beliau menjawat jawatan selaku Ketua Kampung sejak tahun 1996 dan merupakan anak jati kampung tersebut.


Kampung Sungai Kebun yang dulunya terletak di pinggir ibu negara terus mengalami perubahan dengan kemajuan yang dikehendaki oleh negara sehingga salah satu mercu tanda di negara ini ada di kampung tersebut iaitu Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang siap dibina pada tahun 2017.



**“Oleh itu
sebenarnya
sungai kebun atau
sebenarnya bukan
orang bekebun
tetapi kebun getah”
terang beliau.**

KETUA Kampung Sungai Kebun,
Awang Haji Marali bin Haji Matzin.

Asal Usul Kampung Sungai Kebun



PEMANDANGAN Kampung Sungai Kebun pada masa ini yang dulunya dipadati oleh rumah-rumah penduduk.

Menurut Awang Haji Marali, Kampung Sungai Kebun asalnya merupakan sebuah estet perkebunan getah. Ia merupakan antara salah sebuah estet pengeluar getah terbesar pada suatu masa dulu.

Dulunya di tempat ini mempunyai dua tempat memproses getah namun kesan dari kerja-kerja penorehan dan pemprosesan getah tersebut tidak lagi tersimpan. Satu diketuai oleh Allahyarham Haji Ahmad dan yang satu lagi diketuai oleh Allahyarham Haji Bakar.

“Oleh itu sebenarnya sungai kebun atau sebenarnya bukan orang kebun tetapi kebun getah,” terang beliau.

Kebun getah tersebut pada tahun 60-an masih ada dan pekerja-pekerja di ladang terdiri daripada penduduk kampung dan hasil getahnya dijual ke company.

Jelas Awang Haji Marali, keturunannya telah mendiami kampung tersebut selama tujuh keturunan iaitu hampir dua ratus tahun dan pada masa itu kampung tersebut sudah mempunyai nama.

Namun penduduk awal yang tinggal di kampung tersebut tinggal di tebing-tebing sungai yang mana sungai kebun pada masa tersebut belum mempunyai nama.



PUSAT komersial Kampung Sungai Kebun yang mana tapak asalnya dipercayai tempat permulaan asalnya Kampung Sungai Kebun.

Jelasnya tapak awal perumahan asal kampung berkenaan ialah dekat bangunan komersial di kampung berkenaan dan apabila pembuatan jalan raya maka ianya terbahagi kepada dua, yang mana yang satunya dipanggil Kampung Kandang (masih di dalam Kampung Sungai Kebun) dan tidak banyak orang mengetahuinya.

Ketua Kampung

Ketua Kampung Sungai Kebun pada awalnya dipimpin oleh seorang Ketua Kampung dari Kampung Peramu sebelum dipangku oleh Allahyarham Jaludin bin Japar (memangku jawatan ketua kampung selama dua tahun). Pada tahun 1996 kampung tersebut barulah mempunyai ketua kampungnya sendiri yang dijawat oleh Awang Haji Marali bin Haji Matzin sehingga sekarang.

Hujung Jalan

Hujung jalan merupakan penghujung jalan raya di Kampung Sungai Kebun dari Jalan Lumapas. Ianya dijadikan sebagai tempat persinggahan dan tempat perhentian (pertemuan) untuk meneruskan perjalanan menuju ke pusat Bandar Seri Begawan melalui pengangkutan air (penambang) terutama bagi penduduk-penduduk dari kawasan Kampung Lupak Luas, Lumapas termasuk penduduk-penduduk dari Kampung Pengkalan Batu.



SEBAHAGIAN dari penduduk Kampung Sungai Kebun dan sekitarnya masih lagi aktif sehingga kini berjualan di hujung jalan Kampung Sungai Kebun (atas dan bawah).



Menurut Awang Haji Marali, hujung jalan dulunya adalah sebagai tempat orang berdagang dan bertemu bagi orang-orang sebelah Lumapas hingga Pengkalan Batu bagi setiap hari Jumaat dan Ahad. Malah di sekitar kawasan tersebut terdapat banyak kedai-kedai milik orang-orang Melayu.

Sungai Pangga

Menentuh Sungai Pangga, Awang Haji Marali menjelaskan bahawa sungai tersebut merupakan jalan untuk perjalanan membawa jenazah untuk dikuburkan di Tanah Perkuburan Sungai Pangga. Namun tidak dinafikan ada sebilangan masyarakat luar dari kampung tersebut menggelar sebahagian kawasan berkenaan sebagai Kampung Sungai Pangga.



PERKUBURAN orang-orang Islam di tanah perkuburan Sungai Pangga.

Kemudahan Awam

Seperti juga kampung-kampung lain, Kampung Sungai Kebun turut menikmati berbagai kemudahan awam yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti sekolah (menengah/rendah), masjid, klinik, balai boma, telefon, elektrik, air, jambatan, jeti dan jalan raya.



BALAI BOMBA Sungai Kebun merupakan antara kemudahan awam yang disediakan oleh pihak kerajaan di kawasan Mukim Sungai Kebun dan sekitarnya.



JETI merupakan salah satu kemudahan bagi penduduk Kampung Sungai Kebun untuk meneruskan perjalanan bagi mendapatkan perkhidmatan penambang.

Masjid Al-Muhtadee Billah

Masjid Al-Muhtadee Billah yang dulunya menjadi mercu tanda kampung tersebut merupakan salah satu kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Masjid yang terletak di pinggir Sungai Brunei telah dibina pada 17 September 1983 di atas tapak tanah seluas 0.56 ekar dan siap pembinaannya pada 27 Mei 1987 dengan perbelanjaan sebanyak \$3,369,653.28.

Masjid tersebut telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada hari Jumaat, 20 Zulkaedah 1407H bersamaan dengan 17 Julai 1987M bersempena




MASJID Al-Muhtadee Billah merupakan salah satu kemudahan bagi melakukan aktiviti keagamaan selain dulunya menjadi mercu tanda Kampung Sungai Kebun.

Hari Keputeraan baginda. Masjid ini boleh menampung seramai 1,100 orang jemaah dan kemudahan yang terdapat di masjid ini ialah

seperti dewan sembahyang lelaki dan perempuan, bilik kelengkapan menyempurnakan jenazah dan bilik kutubkhanah.

Sekolah Menengah Awang Semaun

Sekolah Menengah Awang Semaun yang terletak di Kampung Sungai Kebun dirasmikan pada 13 Oktober 1984 oleh Menteri Pendidikan pada masa itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz. Penamaan sekolah ini adalah sebagai satu penghormatan kepada pahlawan legenda Brunei, Awang Semaun. Sekolah ini menempatkan pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan tадahan di Kampong Ayer.



SEKOLAH Menengah Awang Semaun yang terletak di Kampung Sungai Kebun.



SEKOLAH Melayu Sungai Kebun pada suatu ketika dahulu.

Pekerjaan

Majoriti pekerjaan penduduk yang tinggal di kampung Sungai Kebun pada masa ini sama ada lelaki mahupun perempuan ialah di sektor kerajaan selain bekerja di sektor swasta dan bekerja sendiri seperti nelayan.

Namun pada masa dahulu kebanyakan mereka ini bekerja di kebun getah selain sebagai nelayan dan mengambil batu.

Dalam hal menangkap ikan, Awang Haji Marali turut mengongsikan awal sejarah penugu di negara ini. Katanya awal penugu adalah berasal dari kampung Sungai Kebun. Kebanyakan orang Kampung Sungai Kebun dulunya adalah penugu. Kisahnya bermula apabila ada seorang lelaki dari negara jiran (Indonesia) berkahwin dengan perempuan orang Kampung Sungai Kebun dan pemandainya itulah yang dibawanya ke Sungai Kebun. Beliaulah yang awal memperkenalkan tugu tersebut.

Menurut Awang Haji Marali lagi, perempuan yang berkahwin dengan orang Indonesia tersebut adalah berasal dari pancir (keturunan) mereka.

Jelasnya penduduk awal yang tinggal di kampung tersebut hanyalah beberapa buah keluarga sahaja termasuklah keturunan mereka yang bernama Awang Karim bin Bunal dan isterinya bernama Inang Dayang binti Damit.

Antara pekerjaan orang tua-tua perempuan dahulu di kampung ini ialah menganyam tikar dan menuhur atap kajang. Manakala makanan yang sering dihasilkan ialah seperti calak lambai, seri muka, sapit, bahulu, selain menghasilkan belacan dan udang kering.

Tempat Bersejarah

Salah satu tempat yang kebanyakan penduduk kampung tersebut tidak mengetahui dan kenal ialah terdapatnya sebuah makam. Makam tersebut digelar sebagai Makam Raja Tua yang terletak di atas bukit salah sebuah tanah perkuburan di kampung berkenaan.

Menurut Ketua Kampung Sungai Kebun, setelah lama mencari makam tersebut akhirnya barulah ia ditemui dan ianya terletak di atas bukit.

MAKAM Raja Tua merupakan salah satu kesan sejarah lama yang terdapat di tanah perkuburan orang Islam di Kampung Sungai Kebun.



Penambang

Tambang merupakan pengangkutan utama penduduk di Kampong Ayer dan kewujudannya tidak dapat dipastikan dengan sebenarnya namun menurut Ketua Kampung Sungai Kebun, Awang Haji Marali bahawa antara penambang terawal di negara ini ialah ayahnya, Haji Mat Zin bin Mat Nor.



PERAHU tambang merupakan salah satu pengangkutan utama bagi penduduk di Kampong Ayer.

Katanya, penambang dahulu tidak menggunakan sebarang permotoran moden untuk mengangkut penumpang. Penambang dahulu hanya menggunakan gubang atau sampan dan berkayuh dan berdayung sahaja untuk menyeberangkan penumpang. Dengan perubahan semasa, kemudiannya barulah penambang menggunakan perahu bermotor.



SALAH seorang penambang cuba untuk merapatkan perahunya ke salah sebuah jeti untuk mendapatkan penumpang.

Bapa merupakan antara penambang pertama di Brunei. Beliau pada masa itu antara yang awal mendapat sijil perkapalan yang diperolehnya dari Labuan.

Awang Haji Marali turut mengakui pernah mengikuti jejak ayahnya selama 20 tahun sebagai penambang sebelum menjawat jawatan sebagai ketua kampung pada tahun 1996.

Asal Usul Tugu



HAJI Yaman bin Besar merupakan pengisah mengenai awal asalnya tugu di negara ini.

Kampung Sungai Kebun sudah wujud sebelum zaman Jepun, tetapi penduduk yang tinggal di sana tidak ramai. Hanya dua tiga buah rumah saja yang ada pada masa itu.

Pengisah, Haji Yaman bin Besar ialah orang yang diberi kepercayaan untuk melukis panji-panji bendera negara. Menurutnya beliau melukis di pejabat berdekatan dengan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI). Menurut Haji Yaman, penambang dulu cuma pakai berkayuh saja dan bukannya seperti sekarang ini yang menggunakan enjin. Antara penambang awal yang berasal dari Kampung Sungai Kebun ialah Pengiran Hashim dan Awang Salam. Kampung Sungai Kebun pada masa dulu juga mempunyai kebun getah yang luas sehingga Haji Yaman ini pun mempunyai kebun getahnya sendiri, tetapi akhirnya dijual.

Apa yang menarik mengenai Sungai Kebun ini ialah mengenai Tugu. Menurut Haji Yaman lagi, dipercayai Tugu ini berasal dari Palembang. Seorang rakyat Palembang berjaya dari sebuah negeri ke sebuah negeri. Pada suatu hari kapal beliau dilanda angin kencang lalu karam. Seramai lima orang penumpang yang ikut hanya dua orang yang selamat manakala yang tiga orang lagi dimakan ikan yu. Dua orang yang terselamat itu dipercayai kuat dan mempunyai ilmu kebal. Seorang bernama Miramit dan yang seorang lagi tidak diketahui namanya. Seorang yang tidak diketahui namanya itu lari ke Temburong dan hanya bekerja merawai sahaja. Adapun Rawai ini juga dipercayai berasal dari Palembang. Inilah asal mulanya Tugu dan Rawai dibawa ke negara ini.

Menurut Haji Yaman, selepas kapal mereka karam, mereka ini mendampar di Ujung Sapuh lalu diselamatkan. Akhirnya mereka menetap di negara ini dan mata pencarinya hanya daripada tugu tersebut. Dipercayai tugu berasal dari Kampung Sungai Kebun kerana Miramit itu tinggal dan kahwin di kampung tersebut malah meninggal di Kampung Sungai Kebun. Mengikut cerita Haji Yaman lagi, allahyarham ibunya menceritakan bahawa Miramit ini berkahwin dengan orang sini (Sungai Kebun) dan melahirkan ramai anak. Haji Yaman menceritakan semasa umurnya dalam lapan atau sembilan tahun Miramit ini meninggal dunia sebelum Jepun masuk ke Brunei pada tahun 1941.

Asal membuat tugu dan menugu ialah daripada keturunan Miramit iaitu salah seorang daripada anak Miramit yang bernama tangah Sidah. Pekerjaan membuat tugu ini kemudian dikembangkan sehingga orang Jepun pada zaman Jepun dahulu pun pernah melawat ke rumahnya. Mereka ini menugu di laut. Dipercayai Miramit ini menugu bersama-sama orang dari Kampung Saba seramai 4-5 orang. Disebabkan oleh satu perkara yang tidak dapat dielakkan maka orang-orang dari Kampung Saba kemudian membuat tugunya sendiri dan dari sinilah mengapa tugu berkembang ke Kampung Saba.

Kampung Ujung Klinik dan Kampung Sungai Siamas

Kampung Ujung Klinik dan Kampung Sungai Siamas merupakan antara kampung-kampung yang terletak di Mukim Sungai Kebun. Sungguhpun dua buah kampung ini berjiran namun mereka mempunyai zaman-zaman kegemilangan, suka duka dan sejarah mereka sendiri.

Pada masa ini kedua-dua buah kampung tersebut dipimpin oleh seorang ketua iaitu Awang Haji Mat Sahat bin Haji Matamit. Beliau mentadbir kampung tersebut sejak 1 Januari 2006 sekali gus menjadi ketua kampung kedua bagi Kampung Ujung Klinik iaitu bagi menggantikan jawatan yang dipegang oleh Haji Saleh bin Bakar.



PEMANDANGAN rumah-rumah yang masih ada di dua buah kampung iaitu Kampung Ujung Klinik (kiri) dan Kampung Sungai Siamas (kanan).

Sebelumnya, jawatan yang ditinggalkan oleh Haji Saleh bin Bakar ini telah lama kosong dan hanya dipangku sementara oleh ketua-ketua kampung yang berada di Mukim Sungai Kebun secara bergilir-gilir sehingga pelantikan Awang Haji Mat Sahat.

Kampung Ujung Kelinik

Menurut Awang Haji Mat Sahat, Kampung Ujung Klinik tidak ketinggalan dalam meraih zaman kegemilangannya sebagaimana kampung-kampung lain yang ada di negara ini. Namun Kampung Ujung Kelinik hampir punah semuanya setelah ditimpa musibah kebakaran pada tahun 2002.

Menceritakan asal kampung tersebut, Awang Haji Mat Sahat menjelaskan bahawa Kampung Ujung Kelinik adalah anjuran tanah dari Kampung Sungai Siamas di mana dulunya terdapat sebuah klinik perubatan kerajaan.

Klinik tersebut diberi nama Klinik Sultan Omar ‘Ali Saifuddien dan ianya dibina pada tahun 1953 di sebuah kawasan yang sepertinya sebuah pulau di mana pada masa itu belum terdapat sebarang rumah didirikan di sekitar kawasan tersebut.




ANTARA rumah-rumah yang masih ada di Kampung Sungai Siamas pada masa ini tidak semeriah sebelum berlakunya kebakaran besar di kampung berkenaan.

Namun pada masa itu, di Ujung Kelinik terangnya, terdapat satu tempat di mana dijadikan tempat menunggu bagi orang-orang padian mendapat bekalan barang yang dibawa dari berbagai tempat seperti Lawas, Sundar dan Tarusan bagi barang-barang dagangan mereka.

Antara tahun 50-an dan 60-an barulah ada sebuah rumah dibina, tetapi letaknya di sebelah daratan. Orang yang mula-mula tinggal di sana kalau tidak silap beliau bernama Taha kemudian diikuti oleh Allahyarham Haji Laki.

Dalam tahun 1976, Kampung Ujung Klinik mula bertambah bilangan perumahan dan ini termasuklah mertua beliau juga menetap di sana, ungkap Awang Haji Mat Sahat.



KETUA Kampung Ujung Klinik/ Sungai Siamas, Awang Haji Mat Sahat bin Haji Matamit banyak menceritakan tentang asal mulanya kedua-dua buah kampung tersebut.

“Kampung Ujung Klinik adalah anjuran tanah dari Kampung Sungai Siamas di mana dulunya terdapat sebuah klinik perubatan kerajaan.”

Jumlah rumah di kampung tersebut terus meningkat sehingga melebihi 50 buah rumah dengan keramaian penduduk lebih 500 orang iaitu pada tahun 2000 namun selepas peristiwa kebakaran 2001 atau 2002, ianya hanya menyisakan tiga buah rumah termasuk rumahnya.

Selepas kebakaran tersebut kebanyakannya penduduk Kampung Ujung Klinik telah ditempatkan sementara di flat-flat kerajaan Lapangan Terbang Lama Berakas dan dari saat itu mulalah penduduk-penduduk yang menjadi mangsa kebakaran berhijrah ke berbagai tempat.

Masa ini jumlah rumah yang tinggal di Kampung Ujung Klinik ialah tiga buah dan sebuah balai ibadat.

Ketua Kampung Ujung Klinik

Menurut mantan Ketua Kampung Ujung Klinik yang pertama iaitu Awang Haji Salleh bin Bakar, kampung tersebut pada awalnya tidak mempunyai ketua kampung yang tetap, tetapi hanya ditadbir oleh Ketua Kampung Sungai Kebun yang bernama Haji Ludin bin Gapar.



“Mengikut orang tua-tua, pada zaman dahulu (tidak tahu tahunnya) adalah mengenai cerita tentang sebuah wangkang (seperti kapal) yang membawa emas hendak berlabuh di kawasan kampung tersebut, tetapi di pertengahan jalan terjumpa ketupat yang kemudiannya menasihati supaya tidak berlabuh kerana mereka (ketupat) sendiri lagi inda kena gunai apatah lagi wangkang (seperti kapal).”

MANTAN Ketua Kampung Ujung Klinik, Awang Haji Salleh bin Bakar merupakan pengisah mengenai asal kampungnya, Ujung Klinik.

Awang Haji Salleh pernah memimpin Kampung Ujung Klinik lebih kurang 18 tahun dan kini berusia hampir 90 tahun serta menjadi antara penduduk terawal di kampung tersebut.

Asal Usul Kampung Ujung Klinik

Mulanya dahulu mengikut sejarah tempat tersebut hanyalah sebatang sungai yang tidak mempunyai sebarang rumah dan nama.

Mengikut pengisah, Awang Haji Salleh, antara penduduk terawal yang tinggal di Kampung Ujung Klinik pada mulanya antaranya yang bernama Deris, Haji Serudin, Pg. Yusof dan beliau sendiri dengan jumlah rumah sebanyak tujuh buah sahaja.

Terang Haji Salleh, kebanyakan penduduk pada masa itu berasal dari Kampung Saba. Mereka berpindah disebabkan tempat dan keadaan di Kampung Saba pada masa itu sudah padat.

“Aku sudah sana semasa umurku kurang lebih 20 tahun,” ujar beliau.

Beliau mengaku bahawa perkataan Ujung Kelinik itu bermula dari perkataan beliau yang berpunca dari alamat persuratan.

Jelasnya di kawasan tersebut pernah didirikan sebuah klinik kerajaan yang diberi nama Klinik Sultan Omar ‘Ali Saifuddien iaitu kira-kira pada tahun 1953, namun beliau dan enam keluarga yang lain sudah berumah di sana yang letaknya di hujung klinik tersebut.

“Masa tinggal di Saba, ada indung bapaku mengirim surat arah kediaku dengan mengalamatkan saja-saja ke Kampung Klinik,” terang Haji Salleh.

Suatu hari ada posmen hendak menghantar surat dan dengan semana-mana telah bertemu beliau (Haji Salleh) lalu bertanyakan Kampung Klinik tersebut, lalu beliau menjelaskan dan memberitahu yang ia tinggal di hujung klinik berkenaan. Dari sebutan awal hujung klinik tersebutlah menjadi nama Ujung Kelinik itulah menjadi nama Kampung Ujung Kelinik hingga sekarang ini.

Tambahnya, dekat dengan klinik tersebut ada satu tempat dipanggil sebagai pulau-pulauan di mana tempat padian berkumpul untuk mendapatkan bekalan barang.

Semasa zaman Jepun tempat tersebut belum lagi didiami. “Di sini rumah dulu ada baru klinik didirikan,” ujar beliau menutup perbualan.

Menyentuh mengenai pekerjaan orang tua-tua dahulu beliau jelaskan bahawa antara pekerjaan mereka pada tahun 1950-an dahulu adalah seperti bekilung, melintau, membalat, memukat dan mengambil batu.

Kampung Sungai Siamas

Mengenai Kampung Sungai Siamas, Awang Haji Mat Sahat menceritakan bahawa menurut cerita Ketua Kampung Sungai Siamas yang sebelumnya iaitu Allahyarham Haji Mohammad bin Haji Halim bahawa nama kampung tersebut diambil dari cerita legenda orang tua-tua dahulu.

Asal Usul Kampung Sungai Siamas

Menurut Awang Haji Mat Sahat, cerita tersebut jelasnya bermula dari peristiwa cahaya kuning yang datangnya dari laut kemudian menuju ke daratan yang dipercayai (Kampung Sungai Siamas saat ini). Dalam perjalannya menuju ke daratan tersebut tiba-tiba cahaya kuning ini bertemu dengan sebiji ketupat yang hanyut.

Dalam pertemuan itu, ketupat tersebut sempat bertanya kepada cahaya kuning berkenaan yang dipercayai bongkahan emas.



KELIHATAN sebahagian rumah-rumah yang ada di Kampung Sungai Siamas (sebelah kanan) setelah sebahagiannya dipindahkan ke darat selepas terlibat dalam pembuatan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Kata ketupat “bahapa kamu kemari ?” lalu cahaya kuning itu terus menjawab tentang keinginan mereka untuk tinggal dan menetap di sana.

Lalu disahut balik oleh ketupat sambil berkata “inda guna-guna kamu menetap di sini, sedangkan kami ani rezeki yang memberi kenyang diorang pun mereka buang, ani kamu pula yang akan menetap di sini, jangantah kamu kemari.”

Mendengar penjelasan ketupat tersebut, cahaya kuning tersebut pun berpatah balik ke laut, ujar Awang Haji Mat Sahat.



SEORANG penduduk kampung ketika menebarkan rambatnya untuk menangkap ikan yang merupakan aktiviti kehidupan penduduk Kampung Ayer.

Berhubung dengan peristiwa tersebut maka tempat itu pun diberi nama Sungai Siamas.

Menurut Awang Haji Mat Sahat sebelum tahun 2017 bilangan rumah yang ada di kampung tersebut melebihi 50 buah dengan keramaian lebih 500 penduduk.

Namun dengan arus pembangunan maka sebahagian rumah yang ada di kampung tersebut terpaksa dirobohkan dan sebahagian penduduk dipindahkan ke perumahan kerajaan bagi pembinaan jambatan Sungai Kebun.



SALAH satu aktiviti perniagaan yang dilakukan oleh penduduk Kampung Sungai Siamas.



Sehingga kini jelasnya jumlah rumah di Kampung Sungai Siamas hanya tinggal 15 buah rumah sahaja lagi.

Pekerjaan para penduduk di Kampung Ujung Kelinik mahupun Kampung Sungai Siamas pada masa ini kebanyakannya berkhidmat dengan sektor kerajaan selain sektor swasta dan bekerja sendiri seperti nelayan.

Manakala jenis-jenis makanan dan makanan yang dihasilkan oleh kedua-dua buah kampung ini tiada bezanya seperti bahulu, kuih sapit dan cacah selain kalupis, wajid dan bingka.

SALAH satu aktiviti menangkap ikan yang tidak lepas dari kehidupan penduduk di Kampung Ayer.

Namun dalam penceritaan yang diceritakan oleh mantan Ketua Kampung Ujung Kelinik, Awang Haji Salleh bin Bakar terdapat versi yang berbeza mengenai Kampung Sungai Siamas ini. Beliau menceritakan bahawa awal Sungai Siamas mengikut orang tua-tua, pada zaman dahulu (tidak tahu tahunnya) adalah mengenai cerita tentang sebuah wangkang (seperti kapal) yang membawa emas hendak berlabuh di kawasan kampung tersebut.

Semasa berlabuh pekerja wangkang berkenaan cuba untuk memunggah emas berkenaan untuk disimpan di kawasan bukit di ulu sungai berkenaan.

Semasa hendak memunggah emas, tiba-tiba pekerja wangkang bertemu dengan ketupat hanyut yang masih berisi nasi, lalu memberitahu kepada kapten kapal mengenai hal tersebut.

Kata pekerja kapal kepada kapten, "Inda dapat dilabuh ni."

Lalu kapten bertanya, "Kenapa inda dapat dilabuh?"

Dijawab oleh pekerja kapal "Manakan dapat dilabuh sedang ketupat berisi nasi labui-labui lagi diorang inda beguna apa lagi kitani emas" lalu inda tia jadi dan berpatah baliklah wangkang tersebut".

Walaupun terdapat dua versi yang berbeza mengenai asal Kampung Sungai Siamas, tetapi persamaan yang ketara ialah 'emas' dan 'ketupat' sehingga timbulnya nama Kampung Sungai Siamas.

Sekolah Rendah Sungai Siamas



SEKOLAH Rendah Sungai Siamas.

Sekolah yang ada pada Kampung Sungai Siamas hingga kini ialah Sekolah Rendah Sungai Siamas yang bersempadan dengan Kampung Setia 'A'.

Sekolah tersebut termasuk dalam Kluster 2 dan dibina pada 22 Oktober 1983 dan telah dibuka pada 14 Mac 1985 dengan anggaran belanja kira-kira \$4,162,402.30.

Guru Besar pertama ialah Cikgu Haji Masri bin Mat Salleh dan Guru Besar sekarang ialah Cikgu Nor Asnawati binti Haji Mohd.Yassin.

Pembelajaran di sekolah tersebut bermula dari kelas Pra hingga Tahun 6.

Balai Ibadat Nur Taqwa Kampung Sungai Siamas/Ujung Kelinik

Balai Ibadat Nur Taqwa digunakan oleh para penduduk di dua buah kampung tersebut sebagai tempat melakukan berbagai aktiviti yang berkaitan dengan keagamaan seperti sembahyang, bertadarus, berdikir dan seumpamanya.




Balai ibadat tersebut telah dibina sejak sekian lama semasa Kampung Sungai Siamas dipimpin oleh Allahyarham Haji Mohammad bin Haji Halim.

Pembinaannya adalah atas inisiatif ketua kampung dan para penduduk pada masa itu iaitu dengan usaha perbelanjaan sendiri selain melakukan kutipan dan sumbangan orang ramai.

Kemudahan-kemudahan di Kampung Sungai Siamas/Ujung Kelinik

Antara kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada dua buah kampung ini tiada bezanya dengan kampung-kampung lain di negara ini seperti bekalan elektrik, air, telefon, balai ibadat selain jambatan atau pail yang menghubungkan penduduk antara satu sama lain selain menghubungkan penduduk dengan kawasan daratan.



JAMBATAN atau pail yang biasa disebut sebagai alat penghubung dari satu rumah ke rumah yang lain merupakan antara kemudahan awam yang ada pada kampung berkenaan.

Kampung Setia

Mukim Sungai Kebun mempunyai keluasan 212.2202 hektar yang mana sebanyak tujuh buah kampung di bawah pentadbiran penghulu dengan keramaian penduduk 6,027 orang.⁸

Pada masa ini jawatan penghulu Mukim Sungai Kebun dipangku secara bergilir-gilir setiap dua bulan sekali dalam kalangan ketua-ketua kampung di bawah Mukim Sungai Kebun.

Antara kampung-kampung tersebut yang terkandung dalam Mukim Sungai Kebun iaitu Kampung Setia. Kampung Setia merupakan sebuah kampung dalam kawasan perairan Sungai Brunei yang terletak kira-kira satu kilometer dari Bandar Seri Begawan. Kampung Setia terbahagi kepada dua kampung iaitu Kampung Setia 'A' dan Kampung Setia 'B'. Dengan keramaian penduduk 944 orang di Kampung Setia 'A' dan seramai 1,287 orang di Kampung Setia 'B', penduduk di kedua-dua kampung ini hidup dalam keadaan harmoni. Tidak hairanlah kedua-dua kampung ini berkembang pesat dengan pelbagai kemajuan yang dinikmati oleh penduduk-penduduk di kampung ini. Untuk datang ke kampung ini, orang ramai boleh menggunakan jalan darat melalui jalan Kampung Kasat dan Kampung Putat dan juga menggunakan perahu tambang jika melalui jalan air.



KELIHATAN deretan perumahan di Kampung Setia 'A' dan Setia 'B' yang merupakan kampung terpanjang di Kampong Ayer pada masa ini.

⁸ Laporan Awal Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011 Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Negara Brunei Darussalam.

Pembahagian Kampung Setia Menjadi Kampung Setia ‘A’ dan Setia ‘B’

Kampung Setia dibahagikan kepada dua buah kampung iaitu Kampung Setia ‘A’ dan Kampung Setia ‘B’ pada tahun 1976. Menurut Ketua Kampung Setia ‘A’ Awang Haji Asli bin Haji Mamut, disebabkan penduduk Kampung Setia pada masa itu semakin bertambah maka Ketua Kampung Setia ketika itu, Patih Dato Paduka Haji Masri bin Mail dengan persetujuan anak-anak buah kampung membahagikan Kampung Setia menjadi dua buah kampung iaitu Kampung Setia ‘A’ dan Kampung Setia ‘B’. Selain itu, dengan pembahagian tersebut akan dapat memberi peluang kepada orang lain untuk mentadbir kampung tersebut.



DERETAN perumahan yang masih kekal di Kampung Setia ‘A’.

Aktiviti-aktiviti kampung dipantau oleh penghulu pada waktu dulu, tetapi disebabkan masalah-masalah sampingan yang tidak dapat dielakkan maka akhirnya disarankan kampung masing-masing membuat aktiviti sendiri-sendiri yang menjurus kepada kampung, mukim dan negara.

Penghulu dan Ketua Kampung Setia

Ketua Kampung yang awal sekali mentadbir Kampung Setia ialah Patih Dato Paduka Hj Masri bin Ismail. Selepas Kampung Setia dibahagi kepada dua buah kampung maka Patih Dato Paduka Haji Masri bin Mail kemudian naik jawatan sebagai Penghulu Kampung Setia.

Pada masa ini, Kampung Setia ‘A’ ditadbir oleh Ketua Kampungnya iaitu Awang Haji Asli bin Mamut. Sebelum ini jawatan Ketua Kampung Setia ‘A’ ialah Pengarah Haji Kapitan bin Pengarah Haji Basi yang berkhidmat selama 31 tahun manakala ketua Kampung Setia ‘B’ pula ialah Pengarah Haji Musa bin Pengarah Haji Jair dan kemudian diganti oleh Awang Haji Khamis bin Metassan sebagai Ketua Kampung Setia ‘B’.



MANTAN Penghulu Mukim Sungai Kebun, Patih Dato Paduka Hj Masri bin Ismail (tengah) bersama mantan Ketua Kampung Setia ‘B’, Haji Kamis bin Haji Metassan (kanan) dan mantan Ketua Kampung Setia ‘A’, Pengarah Haji Kapitan bin Pengarah Haji Basi (kiri) dalam suatu majlis yang diadakan suatu ketika dulu.



KETUA Kampung Setia ‘A’, Awang Haji Asli bin Mamut ketika menceritakan asal usul permulaan Kampung Setia.

“Kampung Setia berasal dari pada kesetiaan orang-orang Brunei yang menetap di Rangau untuk kembali semula bermastautin di negara ini.”

Kemudahan



Seperti kampung-kampung lain di Kampong Ayer, Kampung Setia tidak ketinggalan menerima kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti elektrik, air, telefon, masjid, sekolah, sekolah menengah, pail (jambatan) dan klinik (pada masa ini tidak lagi di bawah Sungai Kebun).



SEKOLAH Rendah Pehin Dato Jamil merupakan sekolah rendah yang terdapat di Kampung Setia ‘A’.



PEMANDANGAN sebegini merupakan kenangan nostalgia bagi sebahagian penduduk di Kampong Ayer yang kini semakin berkurangan.

Majlis Perundingan Kampung (MPK)



Dalam menggerakkan berbagai aktiviti, kedua-dua kampung iaitu Setia 'A' dan Setia B' tidak terlepas dari mempunyai Majlis Perundingan Kampung masing-masing.



PENDUDUK Kampung Setia 'B' melalui Majlis Perundingan Kampung ketika giat menyertai Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam suatu masa dulu.



Antara aktiviti yang sering diadakan setiap tahun ialah Majlis Makan Sekampung (majlis tahlil). Menurut Awang Haji Asli dulunya majlis tahlil tersebut diadakan di setiap rumah masing-masing akan tetapi, sekarang majlis tersebut telah diambil alih oleh pihak Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad untuk Majlis Makan Sekampung.

BERGOTONG-ROYONG, para wanita Kampung Setia suatu ketika dulu sedang sibuk bagi menyediakan makanan bagi Majlis Makan Sekampung (bertahlil).

Jelas Awang Haji Asli, untuk mengadakan Majlis Makan Sekampung tersebut setiap keluarga di kampung berkenaan akan dikirimi surat untuk ikut menderma bagi mengadakan majlis tersebut yang dengannya dihasrat dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung. Dulu-dulunya makan sekampung ini, makanan sendiri dibawa untuk dimakan bersama-sama akan tetapi pada masa sekarang keadaan telah berubah dengan hanya menggunakan perkhidmatan katering.

Sementara aktiviti bertadarus masih dijalankan di sepanjang bulan puasa. Kerana itulah kemeriahinan bulan Ramadan masih dirasakan.

Asal Usul Kampung Setia

Kesetiaan sesebuah bangsa terhadap negara yang dikasihi tidak akan pernah pudar walau di mana jua berada. Menurut Ketua Kampung Setia ‘A’, Awang Haji Asli bin Haji Mamut, nama Kampung Setia berasal daripada kesetiaan orang-orang Brunei yang menetap di Rangau untuk kembali semula bermastautin di negara ini.

Pada 6 September 1964 bermulanya penghijrahan penduduk Kampung Rangau, Limbang ke Negara Brunei Darussalam dan berkampung di Kampung Setia yang kemudiannya dibahagikan kepada dua kampung iaitu Kampung Setia ‘A’ dan Kampung Setia ‘B’ di bawah jagaan ketua kampung masing-masing.

Mengikut cerita beliau lagi wujudnya Kampung Setia bermula di Kampung Saba. Pada masa itu, ramai yang mencari pekerjaan di Kampung Saba dengan mengabat, melintau ke Siarau dan Tubu-tubu. Pada awal tahun 60-an sudah ada orang-orang dari Saba menangkap ikan dan kemudiannya membangun rumah di Siarau. Apabila banyak rumah dibangunkan di sana maka penduduk ada pula yang membuat sulap di Kampung Rangau yang dulunya di bawah pemerintahan Brunei.



SALAH satu aktiviti yang pernah dikendalikan dalam mengenang dan menghargai orang-orang tua yang pernah berjasa selaku penerima Tokoh-tokoh Kampung Setia.

Tahun 1964 Malaysia merdeka disytiharkan. Menurut cerita, ada seorang gabenor turun ke Rangau untuk memaklumkan Malaysia akan merdeka jadi dipanggilnya orang-orang di Rangau untuk mengetahui kedudukan mereka sama ada mahu masuk Malaysia atau balik ke Brunei. Seorang penduduk memberitahu bahawa mereka mahu balik ke Brunei disebabkan mereka berasal dari Brunei.

Setelah dicapai kata sepakat maka pada tahun 1964 mereka balik ke Brunei bersama keluarga dan tinggal di Sungai Lampai. Satu perbincangan dibuat oleh Patih Dato Paduka Haji Masri bin Haji Mail untuk minta diperkenankan membuat rumah di Sungai Lampai, Pulau Ambuk, tetapi tidak diperkenankan disebabkan mungkin ada rancangan pembangunan. Kemudian mereka mencari tempat lagi sehingga berjumpa tempat di sini pulau bakau (Kampung Setia).

Pada masa itu hanya ada dua buah rumah yang didirikan di kawasan tersebut. Bersama-sama dengan Patih Dato Paduka Haji Masri bin Haji Mail ialah Pengarah Haji Kapitan bin Pengarah Haji Basi dan Pengarah Haji Jair bin Japar memohon untuk membuat penempatan di sana dan telah diperkenankan oleh Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Tempat ini dipilih kerana kedudukannya yang baik kerana mengadap matahari dan dipercayai rezeki pun murah. Apabila diperkenankan maka kawasan tersebut yang dipenuhi hutan bakau pun dibersihkan dan ditebas oleh orang kampung yang berhajat untuk membuat rumah di sana. Setelah selesai, masing-masing memilih tempat untuk membangun rumah yang diperbuat dari kayu. Rumah yang mula-mula dibina menggunakan tiang bulian, kulimpapa dan atapnya menggunakan daun.



KANAK-KANAK bermain di pantaran rumah merupakan suatu pemandangan yang lazim dilihat di Kampong Ayer suatu masa dulu.

Jarak dari sebuah rumah ke sebuah rumah ialah 20 kaki. Manakala sukatan rumah pula ialah 30×20 kaki. Tetapi sekarang rumah yang dibina tidak boleh dibuat sesuka hati. Ianya terserah kepada kawalan Jabatan Daerah sama ada dibenarkan menambah rumah atau tidak.

Mengikut cerita perpindahan beramai-ramai iaitu lebih seribu orang penduduk secara berperingkat-peringkat pada 19 September 1963. Apabila rumah sudah siap maka dicadangkan untuk disembahkan kepada Al-Marhum Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien untuk diberi nama. Sebelum itu ada yang menggelar Kampung Rangau, Kampung Rangau Baru akan tetapi masih lagi belum ditetapkan nama tersebut.

Al-Marhum Begawan telah memperkenankan nama Kampung Setia sebagai menunjukkan tanda kesetiaan orang-orang Kampung Setia kepada Raja. Baginda sendiri memberi wafaq dengan kayu (betanggar) pada satu kawasan di kampung tersebut dengan syarat tidak boleh dilangkahi selama tiga tahun sebagai ‘menataki’ kawasan tersebut. Pada masa kini wafaq tersebut sudah tidak ada.



AWANG Haji Asli menunjukkan di mana letaknya wafaq yang diberikan oleh Al-Marhum Sultan Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien untuk Kampung Setia saat mulanya permukiman dibuat.

Dalam pada itu, ada cerita dongeng yang mana ada orang kampung di kampung tersebut telah bermimpi ada seorang Raja yang tinggal di sini (Kampung Setia) telah berpindah ke Pulau Si Bonggor. Raja tersebut menyatakan Kampung Setia tersebut tidak lagi dapat dikacau kerana sudah ada orang tinggal di sini (berpindah beramai-ramai).

Pekerjaan Dulu-dulu

Pekerjaan orang-orang Kampung Setia dahulu kebanyakannya sebagai nelayan. Mereka juga mempunyai kemahiran dalam bertukang seperti membuat tungkang, membuat perahu biasa dan tambang (memburis perahu), tetapi sayang tidak ada yang mengambil waris kemahiran tersebut. Pada masa sekarang ada juga yang bekerja sebagai penambang.



SALAH satu perusahaan penduduk kampung yang boleh meningkatkan hasil ekonomi yang bukan saja menarik pelanggan dari dalam kampung malah dari pelancong luar.

Menurut ketua kampung lagi, nelayan dulu-dulu banyak menangkap ikan seperti belanak, kerapu (ikan kebilangan mahal) kambura, kuasi, utik (tidak berharga langsung). Disebabkan ikan pada masa itu banyak maka ikan-ikan yang ditangkap itu ada yang dimasini atau dihantar ke pasar. Apa yang ketara terlalu jauh perbezaan harga ikan dulu dan sekarang.

Manakala pekerjaan kaum perempuan pula ialah membuat tapai, kalupis dan macam-macam lagi. Namun sayang tidak diwarisi oleh generasi baharu mungkin kerana tidak berminat. Ada juga yang bekerja dengan membuat kain tenunan Brunei.

Aktiviti Dulu-dulu

Aktiviti kanak-kanak dulu ialah mengaji. Tenaga pengajarnya ialah Tuan Haji Man (terkenal dengan gelaran Bangman) kemudian diteruskan oleh anaknya Tuan Haji Ahmad bin Man yang berpindah dari Kampung Saba ke Kampung Setia. Beliau mengajar mengaji di rumahnya selepas waktu maghrib sebelum ada surau dibina.



MASJID Perdana Wangsa Haji Mohammad tersergam indah di Kampung Setia 'A' di mana penduduk kampung giat melakukan berbagai aktiviti keagamaan di dalamnya.

Dulu-dulu di kampung tersebut belum ada bekalan air bersih maka penduduk kampung mengambil air sebatu jauhnya iaitu di satu kawasan yang dikenali sebagai 'Kubur Maulana' dan ada juga yang memanggil kawasan tersebut sebagai 'tampat' (letaknya sekarang ini berdekatan dengan bangunan Pusat Kesenian) dan ada juga yang mengambil di Sungai Pangga. Mereka biasanya mengambil 5 - 6 tajau air untuk diminum. Untuk mandi pula, mereka menggunakan air sungai atau air hujan yang disambut dalam 'daram' (bekas tong minyak).

Majlis Perkahwinan

Majlis perkahwinan merupakan salah satu acara yang begitu meriah kerana acara seperti inilah yang menyatukan penduduk-penduduk kampung pada waktu dahulu. Bagaikan sebuah keluarga besar, jiran tetangga akan sama-sama datang bergotong-royong membantu keluarga pengantin. Di sinilah kemesraan akan jelas kelihatan apatah lagi biasanya majlis perkahwinan akan dimulai dengan malam berjaga-jaga bahkan kadang-kadang memakan masa sehingga sebulan sebelum acara bersanding.

Permainan Dulu-dulu



TRADISI permainan kikik atau layang-layang masih lagi diwarisi oleh penduduk Kampung Setia 'A' hingga ke saat ini.

Tidak sah jika kanak-kanak dahulu tidak bermain. Walaupun tidak ada teknologi canggih ketika itu, tetapi permainan dulu-dulu tetap menyeronokkan. Permainan dulu-dulu termasuklah gasing, kuit, kikik dan lain-lain lagi. Tetapi tidak dinafikan permainan ini semakin pupus kerana tidak diturunkan kepada kanak-kanak pada masa ini. Perasaan bangga terhadap permainan warisan ini tidak diwarisi dan dikhuatiri akan hilang ditelan arus zaman.



PEMANDANGAN seperti ini mengingatkan kepada masa-masa lalu di mana permainan kikik begitu meriah dimainkan di Kampong Ayer terutama pada tahun 70-an dan awal tahun 80-an.

Kesimpulan

Kehidupan di Kampong Ayer telah melalui banyak perubahan yang membanggakan. Keharmonian hidup berjiran menjadikan kampung semakin maju dengan pelbagai kejayaan yang dicapai oleh anak-anak kampung. Semangat muafakat dan keakraban antara penduduk serta hubungan yang erat serta kerjasama telah mewujudkan perpaduan dalam hubungan sesama mereka dan juga pembangunan kampung.

Kampung Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B'

Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B' merupakan projek pembinaan rumah tersusun di Kampong Ayer yang dikenali dengan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B' yang berjumlah 476 buah rumah keseluruhannya.

Kedua-dua kampung tersebut terkandung dalam pentadbiran Mukim Sungai Kebun.



DERETAN rumah-rumah yang teratur di Kampung Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B' dari pandangan atas.

Tujuan asal pembinaan rumah ini adalah bagi menyediakan perumahan kepada penduduk yang terlibat dalam kebakaran besar di Kampong Ayer pada tahun 1993 seperti di Kampung Peramu, Setia Pahlawan, Saba dan Lurong Sikuna termasuk Petagian, Kota Batu dan Sungai Matan.

Kampung tersebut terletak antara kawasan Sungai Brunei menuju ke Daerah Temburong dengan perjalanan lebih kurang 5-7 minit dari Bandar Seri Begawan menggunakan perahu tambang.



KETUA Kampung Bolkiah 'A', Awang Shahminan bin Haji Matzin.

“Tujuan asal pembinaan rumah ini adalah bagi menyediakan perumahan kepada penduduk yang terlibat dalam kebakaran besar di Kampong Ayer pada tahun 1993 seperti di Kampung Peramu, Setia Pahlawan, Saba dan Lurong Sikuna termasuk Petagian, Kota Batu dan Sungai Matan.”



PEMANDANGAN Kampung Bolkiah 'A' di sepanjang Sungai Brunei dan berlatarbelakangkan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha di Kampung Sungai Kebun.

Kampung Bolkiah 'A'

Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ditubuhkan pada 5 Oktober 1992. Wujudnya Kampung Bolkiah 'A' ini terletak di kawasan Kampung Buang Sakar, Mukim Lumapas.

Pada masa ini kampung tersebut ditadbir oleh Awang Shahminan bin Haji Matzin selaku ketua kampung sejak 16 Februari 2009 selepas menggantikan ketua kampung sebelumnya yang bersara, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Dato Amar Setia Diraja Haji Kassim.



RUMAH kediaman Ketua Kampung Bolkiah 'A', Awang Shahminan bin Haji Matzin.

Menurut Awang Shahminan, pada awal tahun 1980-an, kawasan tersebut masih belum ada sebarang penduduk yang tinggal di sana sehingga pada tahun 1985. Pada masa itu barulah ada beberapa buah rumah didirikan hingga pada tahun 1994 terdapat sebanyak 48 buah rumah kesemuanya. Pada ketika itu kampung tersebut dinamakan sebagai Kampung Buang Sakar di bawah pentadbiran Ketua Kampung Kasat, Mukim Lumapas.

Pada tahun 1993, bermulalah pembinaan Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan siap pembinaannya pada tahun 1994.

Kampung Bokiah 'A' telah dirasmikan pada 22 Ogos 1994 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ianya telah didiami sejak 15 Julai 1994.

Turut dipindahkan ke kampung tersebut termasuklah 48 buah rumah yang mula bertapak di kawasan berkenaan (Kampung Buang Sakar) yang mana rumah-rumah mereka telah diganti rugi oleh pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan bayaran yang berpatutan.



RUMAH-RUMAH di Kampung Bolkiah ‘A’ tersusun indah dengan berlatarbelakangkan Masjd Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Terdapat dua jenis perumahan telah disediakan oleh pihak Yayasan iaitu kelas ‘A’ dan ‘B’ yang berjumlah 226 buah rumah keseluruhannya dengan keramaian penduduk lebih seribu orang.

Rumah kelas ‘A’ antaranya menyediakan dua buah bilik tidur, bilik air dan ruang tamu dengan bayaran \$108.00 sebulan untuk tempoh 20 tahun manakala kelas ‘B’ bayarannya ialah \$133.00 sebulan bagi tempoh 20 tahun.

Kemudahan Awam



Terdapat beberapa kemudahan awam telah disediakan seperti jalan raya, klinik, bekalan elektrik, air, masjid serta talian telefon. Kampung ini juga dilengkapi dengan alat saluran najis yang menuju ke daratan. Malahan sampah sarap juga dikutip setiap hari dengan menggunakan perahu yang disediakan oleh JASTRe bagi mengekalkan kebersihan di kampung berkenaan.



SALAH satu kemudahan penduduk Kampung Bolkiah 'A' ialah jeti tempat penurunan dan naik penumpang moto bot.

Pada kampung tersebut beberapa buah rumah telah digunakan sebagai Cawangan Pejabat Yayasan untuk kegunaan bengkel tenunan selain sebagai cawangan pos polis dan surau (pada masa ini digunakan sebagai tempat kelas dewasa wanita).



POS Polis turut dibina menjamin keharmonian dan keselamatan penduduk di sekitar Kampung Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B'.

Pekerjaan

Menurut Awang Shahminan kebanyakan penduduk di kampung tersebut bekerja dengan pihak kerajaan dan hanya sebilangan kecil sahaja bekerja dengan pihak swasta dan bekerja sendiri seperti berniaga, menjual ikan, menambang dan sebagainya.

Penduduk kampung ini juga tidak lepas dari menerima bantuan kerajaan. Bantuan-bantuan tersebut seperti bantuan pencen tua, bantuan kebajikan, elauan orang kelainan upaya dan anak-anak yatim.

Majlis Perundingan Kampung

Mengenai Majlis Perundingan Kampung (MPK), ianya masih giat beroperasi di mana baru-baru ini telah diadakan majlis pembubaran dan pelantikan ahli selain melibatkan tenaga wanita.

Antara aktiviti yang sering diadakan oleh MPK ini seperti kempen kebersihan, berdikir, tadarus Al-Quran, mesyuarat perihal kampung dan majlis doa arwah sekampung.

Selain itu MPK ini turut menghasilkan produk-produk kampung seperti ikan kering, keropok udang dan kuih sapit.

Antara pencapaian terbaik kampung ini ialah apabila diisytiharkan sebagai kampung yang paling bersih pada tahun 2009.

MASJID Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah merupakan salah satu kemudahan yang disediakan oleh pihak Yayasan bagi para penduduk melakukan berbagai aktiviti keagamaan seperti Majlis Makan Sekampung.



Kampung Bolkiah ‘B’

Kampung Bolkiah ‘B’ merupakan projek lanjutan dari projek pertama Skim Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah selepas Kampung Bolkiah ‘A’.



SALAH satu perkhidmatan yang boleh didapati di Kampung Bolkiah ‘B’ ialah penambang.

Pembinaan rumah di Kampung Bolkiah ‘B’ merupakan fasa kedua dengan pembinaan sebanyak 250 buah rumah. Dua jenis rumah dibina di kampung tersebut iaitu jenis ‘A’ mempunyai dua bilik tidur, manakala jenis ‘B’ empat buah bilik tidur.

Daripada jumlah tersebut cuma 26 buah rumah jenis ‘A’ sahaja yang dibina di Kampung Bolkiah ‘B’ ini.

Rumah-rumah yang dibina berlantai simen, bertiang konkrit dengan disediakan laluan pejalan kaki yang juga diperbuat daripada konkrit serta sistem pembuangan najis yang lebih teratur.

Ketika ini Kampung Bolkiah ‘B’ ditadbir oleh Awang Shamsuddin bin Haji Maidin selaku ketua kampung.

Menurut statistik Banci Penduduk 2011 yang dikeluarkan oleh JPKE, Kampung Bolkiah ‘B’ dihuni oleh seramai 1,452 penduduk yang terdiri daripada 752 lelaki dan 700 wanita.

Sebagaimana Kampung Bolkiah ‘A’, Kampung Bolkiah ‘B’ juga tidak terlepas daripada menikmati berbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi keselesaan penduduk.



SEBAGAI salah satu kemudahan bagi penduduk di Kampung Bolkiah turut didirikan ialah sekolah agama.

Antara kemudahan yang terdapat di sini ialah penubuhan Sekolah Ugama Kampung Bolkiah yang ditubuhkan pada tahun 1999.

Penubuhan sekolah agama tersebut adalah bagi penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar Kampung Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B'.

Sebelum adanya sekolah tersebut murid-murid di dua buah kampung ini belajar di beberapa buah sekolah agama yang berdekatan seperti Sekolah Ugama Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar Kampung Setia, Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampung Saba, Sekolah Ugama Al-Muhtadee Billah Kampung Lurong Dalam dan Sekolah Ugama Pintu Malim.



JUGA disediakan bagi keperluan umat Islam di Kampung Bolkiah 'B' ialah sebuah surau.

Bibliografi

Haji Sulaiman Haji Duraman, Kenali Negara Kita, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian kebudayaan Belia dan Sukan, tahun 2009.

Kampong Pandai Besi Menyusur Zaman, terbitan PHMD Publishing Company, Negara Brunei Darussalam, tahun 2015.

Laporan Awal Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011 Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Negara Brunei Darussalam.

Panduan telefon dan penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam Tahun 2018.

Statistik Mukim Sungai Kebun, buku Panduan Mukim dan Kampung Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam.

Kampong Ayer Dalam Kenangan, Media Permata, 16 Mac/17 Mac 2013.

Mengenang Kembali Zaman Nelayan 1950-an, Media Permata.

Nostalgia Rumah-rumah Zaman 1940-an-1960-an, Media Permata, 4 November/5 November 2017.

Sejarah Kampong Ayer, Media Permata, 30 September/1 Oktober 2017.

Penghargaan dan Terima Kasih

kepada

pihak yang berkenaan atas sumbangan gambar-gambar yang digunakan dalam buku ini.